



## **KENYATAAN MEDIA**

### **SINDIKET PENIPUAN PANGGILAN TELEFON**

Berikutan kes sindiket penipuan melalui panggilan telefon atau 'Macau Scam' melibatkan pelanggan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), pihak kami sedia memberi kerjasama penuh kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) berhubung siasatan kes ini.

Walau bagaimanapun, BIMB ingin menasihatkan orang ramai agar sentiasa berwaspada dan tidak terpedaya dengan taktik penipuan baharu di mana pemanggil menyamar sebagai pegawai bank, Bank Negara Malaysia, polis, mahkamah atau agensi kerajaan. Sindiket mungkin memaklumkan bahawa anda telah terlibat dalam aktiviti jenayah dan mengarahkan untuk mendedahkan butiran peribadi perbankan.

Sekiranya itu berlaku, segera hubungi **Pusat Respon Penipuan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK/CCID Scam Response Center)** di talian **03-2610 1559** atau **03-2610 1599** untuk membuat semakan terlebih dahulu bagi mengelak daripada menjadi mangsa panggilan palsu.

Orang ramai diingatkan supaya tidak sesekali memberi butiran maklumat perbankan peribadi seperti Nama Pengenalan (ID), Kata Laluan/PIN dan Kod Akses Transaksi (IAC) kepada mana-mana pihak.

Sebagai langkah pencegahan, orang ramai yang menerima panggilan yang tidak dikenali atau meragukan adalah dinasihatkan untuk putuskan panggilan tersebut serta-merta.

Sekiranya butiran perbankan anda telah dicuri, pelanggan perlu menghubungi **Pusat Panggilan BIMB** di talian **03-26 900 900** atau e-mel ke [contactcenter@bankislam.com.my](mailto:contactcenter@bankislam.com.my) atau terus kunjungi cawangan kami yang terdekat untuk bantuan lanjut.

BIMB terus komited untuk melindungi akaun anda dan memastikan urusan perbankan yang selamat demi kepentingan pelanggan.